

**CABARAN INTEGRASI ANTARA KAUM DI MALAYSIA:
PERSPEKTIF MEDIA, PERTUBUHAN BUKAN
KERAJAAN DAN PARTI POLITIK**

(Race Integration Challenge in Malaysia: Perspective of Media, Non-Governmental Organizations and Political Parties)

MOHD RIDHUAN TEE ABDULLAH*

Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia

ABSTRAK

Kajian berkaitan dengan integrasi perpaduan kaum di Malaysia agak kompleks. Ini kerana, sosialisasi politik yang dilalui oleh setiap kaum amat bersifat perkauman. Agen-agen seperti sejarah, pendidikan, media, parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan amat kuat mencengkam budaya politik setiap kaum. Akhirnya, lahirlah setiap bangsa yang memperjuangkan kepentingan masing-masing. Bukti-bukti ini diperolehi melalui tinjauan yang dibuat ke atas kajian-kajian lalu sebelum ini. Keadaan tidak banyak berubah sehingga ke hari ini. Kajian ini bertujuan menilai sejauh mana pengaruh agen-agen sosialisasi politik seperti media, pertubuhan bukan kerajaan dan parti politik yang dilalui meninggalkan kesan terhadap hubungan antara kaum. Hasil kajian menunjukkan bahawa sosialisasi politik perkauman melahirkan sentimen perkauman yang tinggi. Integrasi perpaduan masih lagi samar. Realitinya, sentimen perkauman masih kuat mencengkam budaya politik masyarakat berbilang kaum.

Kata kunci: Sosialisasi politik; integrasi; media; pertubuhan bukan kerajaan; parti politik

*Corresponding author: Mohd Ridhuan Tee Abdullah, Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia, mel-e: ridhuantee@unisza.edu.my

Diserahkan: 9 Mac 2011

Diterima: 29 Disember 2014

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2015-0701-03>

ABSTRACT

Research on integration and unity among races in Malaysia is quite complex. These are due the facts that the political socialization agents process i.e. history, education, social, economy and politic, are race oriented. Every race fights for their owned interest. Most of the past researchs have shown that the racial sentiments in Malaysia were tensed. This research aimed to analyt the influence of political socialization agents, media, non-governmental organizations and political parties, towards the ethnic relations. Findings show that the agents contribute to the high level of polarization. Integration among races is only a hope. In reality, racial sentiment still a major problems in this country.

Keywords: *political socialization; integrasi; media; non-governmental organization; political party*

PENDAHULUAN

Integrasi merupakan satu proses bagi mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi dalam sesebuah unit politik. Manakala, perpaduan pula boleh diertikan sebagai satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan banggakan tanahair (Shamsul Amri 2007).

Jika digabungkan kedua-dua perkataan ini, integrasi dan perpaduan bermaksud mewujudkan satu masyarakat bersatupadu dengan satu identiti nasional. Kerjasama ini boleh dibentuk melalui integrasi wilayah, ekonomi, kebudayaan, sosial, pendidikan dan politik. Dalam konteks politik Malaysia, integrasi dan perpaduan tidak banyak melibatkan unsur-unsur asimilasi tetapi lebih mirip kepada integrasi, akomodasi dan akulturasi.

Menurut Ting Chew Peh (1987), proses mencapai sebuah masyarakat integrasi bukanlah sesuatu yang mudah. Integrasi adalah suatu proses yang kompleks. Pada hemat pengkaji, kata-kata Ting Chew Peh ini memang tidak boleh dinafikan akan kebenarannya. Dalam konteks politik Malaysia, kelihatan jelas bahawa setiap kaum begitu tebal dengan semangat perkaumannya. Ini dapat dilihat dalam aspek seperti sejarah, pendidikan, sosial, politik, ekonomi dan sebagainya. Ia telah berakar umbi sejak dahulu lagi, sebelum, semasa dan selepas merdeka. Usaha-usaha ke arah untuk mengintegrasikan mereka berasaskan satu identiti nasional menghadapi masalah disebabkan oleh proses sosialisasi yang bersifat perkauman seperti media, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan parti-parti politik.

CABARAN INTEGRASI

Media Perkauman

Nimmo dan Sanders (1981) dan Schwartz (1975) bersependapat bahawa media massa merupakan agen penting sosialisasi politik. Hujah ini turut disokong oleh Chaffee, Ward dan Tipton yang tidak sependapat dengan sarjana-sarjana klasik yang membuat kajian mengenai sosialisasi politik yang mengeneppikan pengaruh media massa (cetak dan elektronik) dan juga budaya popular (Dennis 1973). Lebih-lebih lagi, bagi pengkaji, dalam dunia hari ini yang telah memasuki era baru, era teknologi maklumat (IT) dan teknologi komunikasi maklumat (ICT). Era globalisasi menjanjikan maklumat boleh diperolehi melalui hujung jari. Gabungan media massa dan media elektronik menjadikan proses sosialisasi politik mungkin menjadi semakin kompleks. Namun, pengkaji tidak akan membincangkan dengan lanjut mengenai kemajuan teknologi zaman moden ini. Apa yang akan diberikan penekanan ialah bagaimana sejarah media massa ini mempengaruhi persepsi orang Cina terhadap orang Melayu. Ini kerana pada pandangan pengkaji, jika media yang dikawal oleh kerajaanpun sudah jelas kelihatan berbau perkauman apatah lagi laman-laman web yang tidak dapat dipantau sepenuhnya oleh kerajaan, sudah tentu keadaan lebih serius lagi.

Bagi sarjana yang membuat kajian sebelum berkembang sains dan teknologi, media massa sebagai alat komunikasi hanya merujuk kepada radio, televisyen, panggung wayang, surat khabar dan majalah (Neena Sharma 1985). Banyak kajian membuktikan bahawa hari ini ramai orang terutamanya remaja menghabiskan masa dengan budaya popular ini. Ada bukti yang menunjukkan bahawa muzik popular mengandungi kandungan politik selari dengan apa nilai-nilai politik yang dipegang oleh kebanyakan keluarga dan guru. Pengkaji amat bersetuju dengan pandangan Schwartz (1975) dalam konteks kajian di Malaysia, unsur-unsur budaya popular merupakan agen yang amat berpengaruh dalam proses sosialisasi politik.

Budaya popular ini yang dipelopori oleh media massa dan media elektronik telah berjaya mempengaruhi daripada peringkat kanak-kanak hingga peringkat tua. Apatah lagi pada hari ini segala maklumat berada di hujung jari dan boleh didapati dengan begitu cepat dan pantas. Pengaruh internet sebagai budaya baru dalam proses sosialisasi politik pasti menjadikan kajian bertambah menarik dan tidak berkesudahan. Menurut Samsudin A. Rahim, pengaruh media dianggap paling banyak mempunyai impak terhadap proses sosialisasi politik generasi muda berbanding pengaruh lain. Pendapat Samsudin (2007) ternyata benar dalam konteks budaya politik di Malaysia. Media massa dan elektronik cenderung mensensasikan isu-isu popular untuk menarik perhatian dan mendapatkan keuntungan.

Kajian Indeks Belia Malaysia menunjukkan bahawa belia di kawasan luar bandar lebih tinggi sosialisasi politik berbanding dengan belia di bandar. Begitu juga dengan belia yang mempunyai pendidikan pasca Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) lebih peka mengenai sosialisasi politik ini berbanding yang mendapat pendidikan rendah. Dari segi jantina, belia lelaki adalah lebih berminat mengenai sosialisasi politik ini daripada belia perempuan.

Menurut Pakar Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja, Hospital Selayang, Dr. Fauzi Ismail, media (terutama televisyen) meninggalkan kesan yang amat besar kepada perkembangan mental kanak-kanak. Ia juga boleh membantutkan perkembangan minda intelek sekiranya ia tidak dikawal (Milenia Muslim, September 2004). Fakta ini menunjukkan bahawa pengaruh media amat berkesan dalam sosialisasi politik. Politik perkauman di Malaysia, bukan sekadar dapat dilihat dengan kewujudan parti-parti politik berasaskan kaum, tetapi media massa turut sedemikian sifatnya, terutama media cetak seperti akhbar dan majalah.

Orang Cina memiliki beberapa akhbar dalam bahasa Cina, begitu juga dengan bangsa lain. Maka adalah tidak mustahil liputan-liputan berita berbau perkauman yang mempengaruhi pemikiran dan persepsi masyarakat Cina, terutama isu-isu ketidakpuasan dasar-dasar kerajaan yang lebih memihak kepada orang Melayu. Inilah budaya popular yang selalu digunakan untuk menaikkan semangat dan sentimen orang Cina. Fakta ini diakui oleh Penasihat Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Lim Keng Yaik yang mengatakan bahawa akhbar di Malaysia hanya memperjuangkan satu-satu bangsa sahaja. Akhbar Cina dengan sentimen KeCinaannya, manakala akhbar Melayu dengan sentimen KeMelayuannya. Jika inilah stail pemberitaannya amat sukar untuk mewujudkan bangsa Malaysia (The Sun, 27 August 2007).

Sejarah persuratkhabaran bukan Melayu di Tanah Melayu khususnya akhbar berbahasa Cina, Inggeris dan Tamil dilihat tidak mencerminkan semangat nasional, tetapi lebih mementingkan kelompoknya sendiri. Akhbar-akhbar ini langsung tidak menghiraukan hal-hal berkaitan Tanah Melayu di negara tempat mereka berlindung, tetapi lebih kepada isu-isu kaumnya sahaja. Menurut Zainal Mohd Jais (1996), yang membuat kajian khusus mengenai surat khabar perkauman ini, akhbar bukan Melayu lebih cenderung kepada pembacanya, dan prasangka atau 'penyerangan' kepada bangsa Melayu, diberatkan lagi dengan adanya kecenderungan berkiblat kepada negara asalnya. Akhbar Inggeris berkiblat kepada penjajah dan Eropah, sementara akhbar Cina menjadi medan pertarungan ideologi yang berlaku di Tanah Besar China. Banyak tenaga penggerak akhbar Cina ini diimport khas dari Hong Kong dan China. Kajian beliau menunjukkan, dari segi sejarahnya suara Cina sentiasa kontra dengan suara Melayu.

Sejarah awal akhbar Cina bermula pada penghujung abad ke-19 dengan menonjolkan usaha imigran dan pedagang Cina berkaitan berita-berita ekonomi melibatkan perniagaan dan perdagangan. Bermula dengan akhbar *The Chinese Monthly*

Magazine yang diterbitkan pada 6 Ogos 1815. Seterusnya diikuti akhbar *The Universal Gazette*. Kedua-dua akhbar ini dikuasai oleh orang Kristian walaupun, ada beberapa editor China. Akhbar ini tidak banyak menonjolkan semangat kecinaannya, melainkan liputan berita-berita dari negeri China dan Eropah. Pada tahun 1881, lahir akhbar harian Cina yang pertama *Lat Pau* (1881-1932), mengambil format dan bentuk akhbar Cina di China dan Hong Kong. *Lat Pau* mempunyai pengaruh yang kuat ke atas orang Cina kerana liputan beritanya membela kepentingan orang Cina dan berita-berita negeri China. Hayat *Lat Pau* tidak lama kerana mendapat saingan yang kuat dari Nanyang Siang Pau dan Sin Chew Jit Poh.

Antara akhbar-akhbar lain yang tidak dapat bertahan lama seperti *Lat Pau* ialah Thien Nan Shih Pao (1898-1905), Jit Shin Pao (1899-1901) dan Theo Lam Jit Poh (1904-1905) (Zainal Mohd Jais, 1996). Akhbar Cina yang kekal sehingga ke hari ini ialah Sin Chew Jit Poh (15 Januari 1929) dan Nanyang Siang Pau (6 September 1923) dikuasai sepenuhnya oleh ahli perniagaan dan politik Cina. Selain itu, akhbar berbahasa Inggeris, *The Star* (9 September 1971) juga dimiliki oleh orang Cina (70 peratus pegangan saham oleh *Malaysian Chinese Association* atau MCA). Walaupun akhbar-akhbar ini seolah-olah nampak seperti bersaing, isi kandungannya tidak banyak berbeza. Ia tidak dapat lari daripada perjuangan kaum Cina. Sehingga kini, isu-isu perjuangan mereka masih sama, tidak banyak berbeza. Misalnya, hal-hal pendidikan, ekonomi, ketuanan Melayu (peribumi) antara isu-isu yang terus diperdebatkan sehingga kepada kemuncaknya pada tahun 1987 (Zainal Mohd Jais 1996).

Kesimpulan kajian yang dibuat oleh Zainal Mohd Jais (1996) menunjukkan bahawa akhbar-akhbar berasaskan etnik ini memang tidak lari daripada sentimen perkaumannya. Dalam konteks kajian beliau terhadap akhbar Sin Chew Jit Poh, Watan dan The Star, prasangka terhadap kaum Cina terhadap kaum pribumi Melayu tidak dapat dihapuskan kerana akhbar berasaskan kaum hanya dibaca dimiliki oleh kaum itu sahaja. Mereka kerap menyerang orang Melayu. Inilah isu-isu yang selalu disensasikan dan menjadi budaya popular. Prinsip-prinsip tanggungjawab sosial etika kewartawanan tidak lagi dipatuhi dalam penerbitan akhbar. Begitulah sebaliknya, berlaku kepada akhbar yang didominasi oleh orang Melayu. Saling serang menyerang. Sehingga mengakibatkan hubungan kaum menjadi tegang. Kemuncaknya akhbar-akhbar ini diharamkan penerbitannya pada tahun 1987.

Namun demikian, berita-berita berkaitan bersifat perkauman tidak berakhir begitu sahaja. Setelah permit akhbar-akhbar ini ditarik balik, keadaan seolah-olah kembali seperti asal. Kandungan berita tidak banyak berubah. Misalnya, ketika Perhimpunan Agong *United Malay National Organization* atau UMNO ke-57 (13-17 November 2006), isu-isu perkauman terus dimainkan oleh UMNO. Akhbar-akhbar yang dikuasai oleh orang Cina terus memanipulasikan isu-isu perkauman yang ditimbulkan sehingga menimbulkan ketakutan kepada masyarakat Cina. Wujud kecenderungan di kalangan ahli-ahli UMNO untuk berkonfrontasi secara terbuka dengan MCA dan Gerakan.

UMNO menyifatkan tuntutan-tuntutan sebelum ini yang dibuat oleh MCA dan Gerakan sebagai melampau. Akhbar-akhbar Cina melaporkan berita persidangan itu secara meluas. Tuntutan pada perhimpunan itu mencetuskan sedikit kegusaran dan kerisauan dalam masyarakat Cina tentang trend politik yang berlaku sekarang. Ada pejabat akhbar berbahasa Cina menerima panggilan telefon daripada pembacanya yang meminta berita mengenai Perhimpunan Agung UMNO tidak disiarkan dalam akhbar Cina berkenaan. Pembaca itu risau membaca tuntutan-tuntutan perwakilan UMNO (Baharom Mahusin 2006a).

Antara isu-isu yang dibangkitkan oleh perwakilan UMNO dalam perhimpunan tersebut ialah kemarahan mereka terhadap Gerakan dan MCA yang selalu mempertikaikan status agama Islam, hak-hak istimewa orang Melayu, Dasar Ekonomi Baru, Kontrak Sosial dan sebagainya. Gerakan dan MCA, termasuk juga DAP mahukan satu bangsa Malaysia diwujudkan berasaskan kesamarataan tanpa wujudnya hak-hak istimewa orang Melayu termasuk agama Islam. Untuk keterangan lanjut mengenai perbahasan Perhimpunan Agung UMNO ke -57 berkaitan isu kaum (Utusan Malaysia, 17 November 2006, Berita Harian, 17 November 2006)

Presiden UMNO itu turut memberi amaran kepada beberapa akhbar Cina supaya tidak memainkan sentimen perkauman selepas beberapa perwakilan UMNO membangkitkan isu-isu sensitif yang meresahkan sesetengah kaum bukan Melayu. Presiden UMNO berharap jangan ada mana-mana pihak cuba mempermainkan sentimen yang dibangkitkan oleh perwakilan UMNO untuk membuat andaian bahawa itulah sikap orang Melayu kerana tindakan tersebut amat berbahaya (http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp?y=2006&dt=1124&pub=utusanmalaysia&sec=muka%5Fhadapan&p_g=mh_08.htm&arc=hive. Dilayari pada 20 Disember 2006)

Ketua Pemuda MCA, Liow Tiong Lai, mengkritik ucapan pemuda UMNO dalam perhimpunan UMNO pada 14 November 2006 yang amat berbau perkauman. Tuduhan pemuda UMNO terhadap bangsa Cina terutamanya amat melampau. Menurut beliau, parti pembangkang tidak sedemikian kuat sentimen perkaumannya berbanding UMNO. Menurutnya, UMNO boleh bercakap tentang 'Agenda Melayu', MCA juga boleh bercakap soal Agenda Cina, begitu juga *Malaysian India Congress* (MIC) dengan Agenda India. Apa yang penting ialah masih Agenda Nasional. MCA secara terang menolak sebarang tindakan untuk menyambung semula DEB yang telah tamat tempoh pada 1970-1990. Sudah tiba masanya dasar ekonomi digubal bagi menjaga kepentingan semua pihak, bukan untuk orang Melayu sahaja (The Sun 16 Nov 2006).

Jelas di sini bahawa persepsi masyarakat Cina menjadi semakin serius apabila media suka memperbesar-besarkan (sensasi) isu-isu popular yang berhubung kait dengan status agama Islam dan hak istimewa bangsa Melayu yang telah termaktub dalam perlembagaan. Tidak ketinggalan pertelagahan politik antara parti politik Melayu

yang mewakili kerajaan (UMNO) dengan parti pembangkang Melayu (Parti Islam SeMalaysia atau PAS dan Parti Keadilan Rakyat atau PKR). Isu agama dipergunakan sewenang-wenangnya tanpa memikirkan akibat dan kesan yang akan berlaku terhadap agama dan bangsa. Sekali lagi faktor ini menjadikan Islam tidak dapat dimartabatkan dengan sewajarnya dan dipandang serong, lebih-lebih lagi pada masa kini. Keadaan ini menyebabkan orang bukan Melayu (Cina) tidak mendapatkan gambaran yang benar mengenai orang Melayu dan agama Islam. Akibatnya, timbullah pelbagai persepsi yang tidak sihat. Persepsi sebeginilah menjadi hubungan kaum semakin renggang.

Maka tidak hairanlah jika akhbar *International Herald Tribune* dalam laporannya mengatakan bahawa ketegangan hubungan antara kumpulan agama dan kaum di negara ini berada di tahap yang membimbangkan (Berita Harian, 17 November 2006). Pandangan *International Herald Tribune* ini tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Pada hemat pengkaji, berdasarkan kepada bukti-bukti yang telah diutarakan, jelas bahawa semua ini berlaku disebabkan pengaruh media massa sebagai agen sosialisasi politik yang telah mencetuskan persepsi atau prasangka buruk antara satu sama lain.

Kenyataan ini hampir sama dengan pendapat Tan Chee-Beng (2002) yang mengulas lebih lanjut mengenai peranan media massa sebagai alat yang paling berkesan dalam proses sosialisasi yang akan meninggalkan kesan ke atas sikap dan hubungan sosial antara kaum. Agen-agen yang akan dibincangkan seterusnya selepas ini iaitu keluarga dan pendidikan Cina, persatuan-persatuan Cina (*Huatuan*) dan parti-parti politik Cina adalah antara isu-isu amat popular yang selalu dimainkan oleh media massa Cina untuk menyampaikan maklumat dan mencari pengaruh sebagai usaha mensosialisasi mereka agar tidak lupa dengan perjuangan sebenarnya.

Persatuan Perkauman

Sebelum munculnya parti-parti politik Cina di Malaysia, persatuan-persatuan Cina atau lebih dikenali sebagai *Huatuan* (Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia, 2005) telah lama muncul. Kemunculan persatuan-persatuan orang Cina atau *Huatuan* sebenarnya membawa kepada penubuhan parti-parti politik orang Cina. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, orang Cina dengan sokongan penjajah menggunakan idea pertubuhan Cina sebagai alat melindungi hak-hak dan kebajikan mereka demi menguatkan lagi suara dan tuntutan mereka. Dengan sebab itu, pertubuhan bahasa, pertubuhan kuil (rumah ibadat), sekolah dan termasuk juga kongsi gelap adalah antara institusi yang paling awal ditubuhkan. Keberkesanannya amat terserlah daripada awal lagi sehinggalah ke hari ini. *Huatuan* bukan hanya bertindak sebagai pertubuhan bukan kerajaan, tetapi kadangkala mereka bertindak sebagai wakil parti-parti politik orang Cina bagi menzahirkan kepentingan mereka yang tidak mampu dilakukan oleh parti-parti politik Cina tersebut.

Kemunculan kongsi gelap adalah juga manifestasi daripada pertubuhan keagamaan dan kebajikan berunsurkan politik (Purcell 1997). Tempias atau bahang pengaruh

kongsi gelap turut dirasai apabila orang Cina berhijrah ke Tanah Melayu bagi menjaga kepentingan mereka. Menurut Purcell (1997), pada tahun 1825, beberapa kongsi gelap telah ditubuhkan atas nama kebajikan. *Ghee Hin*, *Nghee Hunge* atau *I Hing* 'Kebajikan Kemakmuran', *Ho Seng* 'Penyempurnaan Yang Harmoni', *Hai San* 'Laut dan Bumi', dan *Wah Sang* 'Kehidupan China'. Kumpulan kongsi gelap bukan sahaja mengimport kebudayaan mereka ke Tanah Melayu, tetapi bergerak secara rahsia dan subversif serta menentang dasar-dasar pemerintah ketika itu. Penjajah British melihat gerakan ini merupakan satu ancaman kepada mereka dan mengambil langkah-langkah drastik bagi menghapuskan pergerakan pertubuhan kongsi gelap. Berdasarkan kepada bukti-bukti, pada pandangan pengkaji kemunculan *Huatuan* juga tidak dapat lari daripada sejarah dan kemunculan kongsi gelap itu sendiri

Persatuan Cina, kuil, sekolah dan surat khabar adalah empat institusi penting yang didirikan oleh masyarakat Cina setelah mereka datang dan menetap di Malaya dan kini Malaysia (Thock Ker Pong 2005). Dengan tertubuhnya persatuan-persatuan sosial, ekonomi dan politik bukan-Melayu Tanah Melayu yang bertujuan memperjuangkan hak-hak bukan-Melayunya atas nama bukan-Melayu, bertambah rancaklah proses *de-Melayuization* dan bertambah nyatalah jurang semangat antara bukan-Melayu dengan Melayu.

Selepas Jepun meninggalkan Tanah Melayu dan British kembali memerintah pada tahun 1942. Rancangan Malayan Union diperkenalkan. Pertubuhan Cina tidak menentang Malayan Union bersama-sama orang Melayu kerana Malayan Union menguntungkan mereka. Malayan Union menggalakkan lagi penghijrahan lebih besar orang Cina ke Tanah Melayu dan syarat-syarat menjadi warganegara Tanah Melayu telah dilonggarkan. Kuasa orang Melayu semakin pudar.

Selain dari penubuhan kongsi gelap, semasa pendudukan Jepun (1938-1942), orang Cina turut menubuhkan beberapa pertubuhan bagi menjaga kepentingan dan keselamatan mereka. Telah diketahui umum bahawa negara Jepun dan negara China mempunyai hubungan yang buruk sebelum penjajahan Jepun ke Tanah Melayu terutama Perang China-Jepun 1937. Jepun mengamalkan dasar anti-China dan menganggap orang-orang Cina sebagai musuh tradisi mereka. Orang Cina di Tanah Melayu tidak ketinggalan. Mereka mendapat layanan buruk daripada penjajah Jepun berbanding orang Melayu. Sekali lagi kehidupan orang Cina dan Melayu terpisah dan didiskriminasikan dengan buruk sekali termasuk membunuh mereka. Beribu-ribu orang Cina dibunuh oleh Jepun. Menurut Purcell (1997), di Singapura sahaja hampir 4000 orang Cina telah dibunuh beramai-ramai tanpa mengira sama ada mereka bersalah atau tidak.

Saban hari orang Cina dibunuh oleh Jepun. Ini tidak termasuk yang dianiaya dan diseksa. Pelbagai sekatan dan tekanan dikenakan seperti dikenakan membayar cukai kepala, dihalang menghantar wang ke negara China, disekat keluar rumah dan sebagainya. Ramai orang Cina terpaksa melarikan diri ke hutan. Orang Cina bertindak

balas menyertai Parti Komunis Malaya (PKM). PKM pula menggunakan kesempatan ini untuk menyatukan orang Cina dengan menubuhkan *Malayan Peoples' Anti-Japanese Army* (MPAJA). Penentangan orang Cina terhadap Jepun bukanlah bertujuan untuk memerdekakan negara ini daripada penjajahan tetapi lebih kepada sejarah permusuhan politik yang telah dilalui oleh kedua-dua negara ini.

Tidak pernah berlaku dalam sejarah dunia, kewarganegaraan kepada orang asing diberikan secara mudah, kecuali apabila British memerintah Tanah Melayu. British juga mensyaratkan kepada orang Melayu supaya berkongsi kuasa dengan kaum Melayu jika mahukan kemerdekaan negara ini. Orang Melayu terpaksa menerima syarat ini. Inilah sikap akomodasi orang Melayu yang patut dipuji dan jarang dijumpai pada bangsa lain. Jika tidak ada kompromi ini, orang Cina dan *Huatuan* tidak seperti seadanya pada hari ini (Mohd Ridhuan Tee 2006).

Sehingga tahun 2000, dilaporkan terdapat sebanyak 8,775 buah *Huatuan* berdaftar di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai jenis persatuan Cina dengan fungsi yang berbeza bagi tujuan menjaga kepentingan kaum mereka sahaja. Kewujudan *Huatuan* dikatakan sebagai respon kepada hegemoni politik orang Melayu (Thock Ker Pong 2005). Pada hemat pengkaji, isu hegemoni Melayu bukanlah satu-satunya alasan yang kukuh dalam membicarakan penubuhan *Huatuan*. Satu lagi aspek penting tidak ditonjolkan oleh Thock Ker Pong (2005) adalah sikap *ultra kiasu* sebenarnya yang membawa kepada kemunculan *Huatuan* bagi memenuhi tuntutan bangsa mereka sendiri.

Pendek kata, orang Cina tidak pernah berputus asa untuk terus mengemukakan tuntutan demi tuntutan kepada kerajaan yang dipelopori oleh UMNO. Strategi mereka amat jelas dan licik. Mereka akan menuntut sebanyak mungkin walaupun mereka tahu memang sukar untuk kerajaan (sesiapa jua) menunaikan permintaan tersebut. Namun, mereka tahu, jika kerajaan tidak memberi sebanyak yang dituntut, kerajaan tetap akan memberikan pertimbangan atau dengan kata lain, memberi sedikit atau memenuhi sebahagian. Bagi mereka mendapat sebahagian atau sedikit itu adalah satu kemenangan yang besar. Itulah hakikat yang berlaku sebenarnya. Kerajaan terpaksa tunduk kepada tuntutan-tuntutan ini demi survival politik dan mengekalkan kuasa. UMNO sedar jika orang Cina beralih arah kepada pembangkang, ini akan memberi kesan kepada masa depan politik mereka. Sejarah penubuhan parti-parti politik dan pertubuhan perkauman Cina akan dapat memberikan gambaran lebih lanjut tentang hal ini. Perkara inilah juga yang membentuk persepsi mereka melalui sosialisasi politik yang berlaku.

Misalnya, rancangan kerajaan untuk mengajar bahasa Mandarin dan Tamil di sekolah kebangsaan. Ia mendapat tentangan daripada masyarakat Cina yang diwakili oleh Gabungan Persekutuan Pertubuhan Lembaga Sekolah-Sekolah Cina Malaysia (*Dong Zong*) dan Pertubuhan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (*Jiao Zong*) atau singkatannya *Dong Jiao Zong* (Utusan Malaysia, 27 April 2005). *Dong Jiao Zong* bersangka buruk dengan beranggapan bahawa ia bertujuan untuk menghapuskan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) selepas ini. Rancangan ini menurut mereka tidak akan berjaya menarik orang Cina ke Sekolah Kebangsaan (SK).

Sedangkan semua sedia maklum bahawa hanya di Malaysia sahaja, SJKC masih kekal dengan identitinya, berbanding negara lain yang mana orang Cina menjadi minoriti. Negara seperti Singapura yang majoriti kaum Cina sekalipun, tidak lagi mempraktikkan bentuk sekolah Cina seperti yang ada di Malaysia (Lee Kam Heng dan Tan Chee Beng 2000).

Contoh lain yang tidak keterlaluan untuk ditonjolkan ialah negara Thailand. Pada tahun 1940-an, kerajaan Thailand telah bertindak menutup atau mengharamkan operasi semua Sekolah Cina kerana bimbang akan menyukarkan proses integrasi dan asimilasi kaum. Mereka beranggapan, Sekolah Cina hanya akan melahirkan nasionalisme Cina yang membahayakan sesebuah negara. Justeru, kerajaan Thailand telah bertindak mengasimilasikan semua orang Cina dan menghapuskan agen utama sosialisasi politik ini kepada satu sistem pendidikan Thai (Siam). Hasilnya, proses sosialisasi politik bertunjang kepada pendidikan Thai (Siam), telah berjaya melahirkan orang Cina yang mempunyai semangat nasionalisme Thai (Siam) begitu tinggi. Ini diakui sendiri oleh ahli perniagaan atau penulis chauvanis Cina bernama Ye Lin-Sheng (2003) dalam bukunya *The Chinese Dilemma*. Beliau terpaksa akur betapa beruntungnya menjadi orang Cina di Malaysia yang masih dapat mempertahankan semangat dan identiti kecinaannya. Petikan kata-kata Ling Liong Sik, mantan Presiden MCA boleh dijadikan kayu perbandingan.

“When Chinese arrived, they brought along their schools. The first Chinese schools in Malaysia date back as far as 1815 and they were all started and supported by the emigrant community. From simple beginnings, we now have 1,289 fully and partially government assisted Chinese primary schools which form an integral part of our national school system. The Chinese schools have an enrolment of 600,000 which accounts for more than 80 percent of all Chinese school children” (Ling Liong Sik 1995).

Politik perkauman sebegini telah menyebabkan orang Cina hidup dalam kelompok atau kepompong mereka sahaja. Tidak ramai yang terdedah kepada persekitaran yang bersifat multi-etnik. Ini menyebabkan pergaulan mereka menjadi terhad. Interaksi tidak banyak berlaku. Kalaupun berlaku interaksi yang agak rapat, hanya di kalangan pemimpin-pemimpin parti-parti politik sahaja. Menurut Freeman memetik petikan *The Encyclopedia of the Chinese Overseas*, dengan mengatakan:

“Since its formation in 1947, the Associated Chinese Chamber of Commerce has served not only as the bastion of pan-Malaysian Chinese capitalist interest, but has also sought to advance Chinese political and education welfare by working closely with Chinese political parties, in particular the Malaysian Chinese Association” (Freeman 2000).

Pendek kata, peranan *Huatuan* amat besar dalam percaturan politik Malaysia. Pengaruh *Huatuan* amat berkesan berbanding pengaruh parti-parti politik Cina. Orang

Cina lebih bersatu di bawah *Huatuan* berbanding parti politik Cina yang lain. Keputusan *Huatuan* sebenarnya keputusan majoriti orang Cina. Majoriti orang Cina masih berpersepsi bahawa mereka dipinggirkan dalam arus pembangunan negara. Mereka tidak akan menerima hakikat bahawa kejayaan mereka hari ini disebabkan oleh peluang yang diberikan oleh UMNO.

Menurut Kim Quek (2004), penentangan orang Cina tidak dapat lari daripada perkara-perkara seperti, pertama, diskriminasi kaum dalam perlantikan dan kenaikan pangkat pekerja-pekerja di badan-badan kerajaan, menjadikan badan-badan ini hampir dikuasai satu bangsa sahaja (lebih-lebih lagi di lapisan tertinggi). Badan-badan ini termasuklah: perkhidmatan awam, polis, tentera dan pelbagai agensi semi dan separa-kerajaan. Kedua, menghalang kaum bukan Melayu daripada tender dan kontrak yang dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh kerajaan. Ketiga, mengenakan diskaun harga wajib dan kuota memihak kepada orang Melayu di dalam projek-projek perumahan. Keempat, mengenakan kuota saham wajib bagi orang-orang Melayu di syarikat bukan Melayu. Kelima, larangan menyeluruh terhadap pelajar bukan Melayu bagi memasuki institusi akademik awam (Contoh UiTM) dan keenam, peruntukan biasiswa dan tempat belajar yang jelas berat sebelah dengan kadar yang sememangnya tidak munasabah yang menampakkan diskriminasi kaum (Mohd Ridhuan Tee 2006).

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa *Huatuan* berada pada kategori ekstrim, ultra *kiasu*. Perjuangan mereka hanya satu, mempertahankan kepentingan kaum Cina habis-habisan. Kepentingan etnik adalah segala-galanya berbanding kepentingan nasional. Mereka tidak memperdulikan kontrak sosial yang telah dipersetujui bersama yang telah termaktub dalam perlembagaan.

Parti-parti Politik Perkauman

Kebanyakan sarjana yang membuat penyelidikan mengenai politik Malaysia memang tidak boleh menafikan sama sekali bahawa orientasi kebanyakan parti-parti politik bersifat perkauman. Setiap kaum menubuhkan parti kaum masing-masing. Mereka mahu menjadi jaguh memperjuangkan kepentingan dan hak-hak masing-masing. Neena Sharma (1985) memetik kata-kata S.N Mehra yang membuat kajian yang sama mengenai sosialisasi politik berkata parti politik memainkan peranan yang amat penting dalam mempengaruhi pemikiran politik masyarakat. Parti politik adalah agen yang paling berkesan dan bertindak secara langsung dalam membina orientasi pemikiran politik masyarakat terutama ketika pilihanraya. Parti bertindak sebagai panduan kepada pengundi melalui slogan, propaganda, pembesar suara, kain rentang, ceramah, poster, risalah, lukisan dinding, kempen rumah ke rumah dan sebagainya. Semua aktiviti parti politik ini dikatakan mempengaruhi pemikiran termasuk kanak-kanak.

Di Malaysia, terdapat tiga buah parti politik perkauman yang didominasi oleh orang Cina iaitu MCA, Gerakan dan *Democratic Action Party* (DAP). Inilah peranan

agen sosialisasi politik orang Cina yang sekian lama mempengaruhi sikap dan persepsi mereka. Menurut Tan Chee-Beng, politik perkauman dan ideologi yang bersifat perkauman adalah penyebab utama generasi muda mempunyai persepsi negatif antara satu kaum dengan kaum yang lain.

Perhaps the influence of communal politics and communal ideologies in the larger society have effected some youths negatively from the point of view of preserving harmonious inter-ethnic relations. (Tan Chee Beng 2002).

Ketiga-tiga parti politik perkauman ini amat popular kalangan orang Cina. Bayangkan bagaimana sosialisasi politik berlaku jika majoriti orang Cina di Malaysia yang menjadi ahli kepada ketiga-tiga parti politik ini terus memainkan sentimen perkauman yang tidak berkesudahan yang akan dibincangkan nanti.

Malayan Chinese Association (MCA)

MCA, parti kedua terbesar dalam Barisan nasional (BN), ditubuhkan pada 27 Februari 1949, oleh 16 orang ahli perniagaan Cina majoriti berpendidikan pendidikan barat daripada berbagai tempat di Malaya. Ada yang mengenali MCA sebagai parti taukeh.

The MCA was first formed in 1949 as a welfare organization led by English-educated Chinese business elite. Although it is still somewhat viewed as a party of towkays, Chinese traders, throughout the 1970s and 1980s better-educated professionals have moved into positions of leadership within party. (Freeman 2000).

Huatuan memainkan peranan penting dalam penubuhan parti Cina ini. Fakta ini menunjukkan bahawa pertubuhan-pertubuhan orang Cina memainkan peranan yang amat penting dalam proses sosialisasi politik orang Cina di Malaysia. Parti-parti politik orang Cina termasuk MCA sebenarnya, boleh dikatakan bertindak sebagai 'alat' untuk memenuhi tuntutan-tuntutan orang Cina yang dipelopori oleh *Huatuan*. Inilah rahsia besar yang terlindung dalam menganalisis gerakan politik orang Cina.

Pada mulanya tujuan penubuhan adalah melindungi dan menjaga kepentingan orang Cina di Malaya. Bertindak sebagai badan untuk berhubung dan berkomunikasi dengan penjajah British. Badan ini bertindak menyuarakan pandangan dan masalah orang Cina kepada kerajaan. Kerajaan British melihat MCA adalah badan yang paling sesuai untuk melawan kemaraan komunis. Presiden yang pertama Tan Cheng Lock lahir pada 5 April 1883, memulakan kerjaya sebagai guru di Sekolah Raffles di Singapura. Kemudian menceburkan diri dalam perniagaan perladangan getah dan pembuatan sehingga menjadi kaya raya (Lu Hon San 1987). Dengan penubuhan MCA, Tan Cheng Lock berjaya menyelamatkan orang Cina Malaya daripada dihantar pulang ke negara asalnya.

The British plan to deport the Chinese was halted with the birth of the MCA, which took immediate plans to build houses to help resettle the Chinese in the new villages. The MCA also provided food, medicine and monetary aid for these people. After the resettlement, the MCA also helped in securing electricity and piped water to the new villages. Chinese primary schools and public libraries were built for the people. (<http://www.mca.org.my/aboutmca/bghistory.asp> 31 Disember 2006).

Pemilihan Tan Cheng Lock disambut baik oleh kerajaan British kerana beliau disifatkan sebagai pemimpin masyarakat Cina yang berpengaruh dan berpendirian sederhana (Oong Hak Ching 2000). Berpunca daripada keadaan darurat pada tahun 1948. Kerajaan British pada masa itu memerlukan sebuah parti politik Cina untuk menyokong kempen menentang keganasan Parti Komunis Malaya.

Hujah ini turut dipersetujui oleh Jayum (2003) yang menyatakan bahawa penubuhan MCA sebenarnya untuk membuktikan kepada British dan orang Melayu bahawa mereka tidak menyokong atau bersekongkol dengan PKM. Walau bagaimanapun, ada pandangan mengatakan bahawa antara salah satu tujuan MCA ditubuhkan ialah untuk mendapatkan kerjasama daripada PKM bagi menyokong orang-orang Cina yang miskin (Comber 2007)

Bagi Thio Chan Bee yang menulis artikel bertajuk *The Foundation of Racial Harmony* menukilkan perbualan antara Tan Cheng Lock dengan seorang pemimpin Melayu:

“There was a thoughtful silence when Mr. Cheng Lock sat down. Then one of the Malay leaders gave his views. The Chinese, he said, had economic power, and the Malays had political power. If the Chinese would help the Malays to improve their economic status, surely the Malays must share with the Chinese their political power. If the Chinese wanted to organize themselves to co-operate with the Malays, the Malays would welcome that co-operation. But, he added, if the Chinese organized to fight the Malays, then naturally the Malays must do the same. (There was a murmur of dissent) Mr. Cheng Lock appeared quite happy and announced that he was forming the Malayan Chinese Association whose first aim would be “to promote and maintain inter-racial harmony in Malaya”. Thus, a basis for inter-racial co-operation had been found” (The Guardian. Vol 2. June 2006).

Sekiranya dilihat dari segi perlembagaan dan ciri-ciri parti politik, MCA boleh dikatakan sebagai sebuah parti politik yang mendukung konsep atau ideologi perkauman (communal nationalism). Ini kerana hanya kaum Cina sahaja dibenarkan menyertai MCA yang memperjuangkan kepentingan kaum Cina (Low Yong San 1997). Namun, menurut Ling Liong Sik, misi utama MCA ketika itu ialah untuk menjaga kepentingan

sosio ekonomi orang Cina melalui perlindungan dan penyertaan politik. Di samping mendapatkan status warganegara, MCA mahukan menyedarkan orang Cina serta menumpukan kesetiaan mereka terhadap Malaya (Ling Liong Sik 1995).

MCA pada mulanya ditubuhkan hanya bertindak sebagai organisasi yang menjadi kebajikan orang Cina, sehingga pada tahun 1952, apabila parti ini bertanding dalam pilihanraya Kuala Lumpur (Haas 1967). Bermula detik itulah MCA terus aktif dalam politik tanahair sehingga ke hari ini memperjuangkan kepentingan dan kebajikan kaum Cina. Ia diakui oleh presidennya sendiri, Ong Ka Ting bahawa MCA akan memastikan kepentingan semua orang Cina terus terpelihara tanpa ketinggalan. MCA juga akan mengkaji undang-undang yang ketinggalan zaman yang boleh meminggirkan kaum Cina (<http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2007/1/1/nation/16441952&sec=nation.1> January 2007)

Para pemimpin MCA mempersepsikan kuasa berpolitik ini begitu penting kepada survival bangsa Cina di negara ini. Keadaan ini mendorong mereka bersetuju untuk menerima kekuasaan politik dan hak istimewa orang Melayu dalam “racial bargain”. Mereka beranggapan bahawa keistimewaan dan ketidaksamarataan hak dapat diperbetulkan dengan kuasa politik yang dimiliki. Namun perjalanan sejarah ini membuktikan keadaan ini tidak berlaku. Malah kekuasaan politik dan hak istimewa orang Melayu yang kemudiannya telah digunakan untuk memperjuangkan agenda orang Melayu yang seterusnya menyebabkan penghakisan kepentingan masyarakat Cina (Thock Ker Pong 2005)

Inilah rata-rata persepsi orang Cina keseluruhannya (MCA) terhadap gerakan politik Melayu. Maka tidak hairan kita dapat lihat penentangan demi penentangan dilakukan oleh MCA terhadap ‘undang-undang’ atau dasar-dasar seperti DEB dan hak-hak keistimewaan orang Melayu sejak dari dulu lagi. Lebih serius lagi apabila DEB terus disambungkan dasarnya oleh kerajaan pimpinan UMNO. Bagi MCA, sudah sampai masanya keadilan dan kesaksamaan dipraktikkan tanpa pilih kasih. Pendirian dan sikap MCA sama juga seperti parti perkauman Cina yang lain seperti Gerakan dan DAP.

Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN)

Parti Gerakan ditubuhkan pada 24 Mac 1968. Penaja utama parti ini ialah Tan Chee Koon dan V. Veerapan. Kedua-duanya adalah bekas pemimpin Parti Buruh. Lim Chong Eu pula adalah bekas pemimpin *United Democratic Party* (Vasil, 1980; Zainal Rahmat, 1990). Kebanyakan ahli mereka adalah orang Cina mendapat pendidikan Inggeris sama seperti MCA. Bagi mengaburi mata masyarakat agar tidak mengaitkan parti ini sebagai parti berasaskan kaum, maka beberapa langkah diambil termasuk memilih orang Melayu menjadi pengerusi parti iaitu Syed Hussain al-Attas (Zainal Rahmat 1990). Gerakan pada awal penubuhannya mengamalkan pendekatan bukan perkauman (*non-racial approach*) seperti DAP. Namun, oleh kerana kebanyakan ahlinya adalah terdiri daripada kaum Cina, seperti MCA dan DAP, Gerakan condong memperjuangkan kepentingan politik Cina (Low Yong San 1997). Gerakan adalah sebuah parti liberalisme dan merupakan ahli

Majlis Liberal dan Demokrat Asia. Gerakan agak berjaya dalam Pilihan Raya Umum pada tahun 1969 ketika parti ini berkempen atas manifesto keadilan sosial dan pengurangan atau penghapusan hak-hak istimewa Bumiputera yang digariskan dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Dari awal lagi parti ini bersifat perkauman. Selepas menang dalam pilihanraya di Pulau Pinang, parti ini kemudian mengadakan perhimpunan kemenangan di Kuala Lumpur. Malangnya, perhimpunan itu menyimpang daripada laluan yang dirancangan. Mereka telah masuk ke kawasan-kawasan Melayu di bandar raya itu dan ahli-ahli partinya mengejek orang-orang Melayu di sana. Walaupun parti itu meminta maaf pada hari berikut, UMNO yang merupakan parti komponen utama dalam kerajaan campuran Parti Perikatan, mengadakan sebuah perhimpunan balas. Perhimpunan itu menjadi rusuhan yang mencetuskan pembunuhan antara Melayu dan Cina. Selepas itu darurat diisytiharkan dan Parlimen dibubarkan sehingga tahun 1971. Selepas itu, Gerakan menyertai Barisan Nasional pada tahun 1972.

Gerakan berjaya memerintah Pulau Pinang selepas menang dalam pilihan raya pada tahun tersebut. Sejak itu, negeri Pulau Pinang terus berketuamenterikan orang Cina daripada parti Gerakan sehingga tahun 2008. Seperti juga MCA, Gerakan menjadi jaguh mempertahankan kepentingan dan hak-hak orang Cina. Gerakan mahukan keadilan dan kesaksamaan dalam semua perkara seperti ekonomi, politik, sosial dan pendidikan. Istilah 'bangsa Malaysia' dicipta dan dipopularkan dengan harapan tidak ada lagi keistimewaan kepada 'bangsa asal' (orang Melayu).

Dalam memberikan respon terhadap tindakan Gerakan, UMNO dengan lantang mengkritik sikap dan tindakan ini ketika Perhimpunan Agung UMNO pada 13-17 November 2006 sehingga menimbulkan keresahan dan ketakutan di kalangan orang Cina. Senario politik ini telah memaksa Penasihat Parti Gerakan, Lim Keng Gaik mengeluarkan kenyataan bahawa Gerakan bukan parti perkauman tetapi adalah parti untuk semua kaum. Namun katanya, Gerakan akan sentiasa mengingatkan BN supaya kembali kepada objektif asalnya dan mengurangkan sentimen terhadap perkauman dan agama tetapi menumpukan perhatian kepada pembangunan (The Sun, 27 August 2007). Apa juga alasan Gerakan, parti ini tidak dapat lari daripada perjuangan dan sentimen perkauman Cina.

Parti Tindakan Demokrat (DAP)

Parti Tindakan Demokratik atau singkatannya DAP diasaskan pada 18 Mac 1966. Menurut laman web DAP, mereka komited kepada perjuangan mewujudkan sebuah negara Malaysia untuk rakyat Malaysia yang bebas dan demokratik sosial berdasarkan prinsip-prinsip hak asasi manusia, kesaksamaan, keadilan sosial dan ekonomi dan berasaskan institusi demokrasi berparlimen. Sebagai ahli Sosialis Antarabangsa (SI), DAP bersatu hati dengan sosialis demokratik atau demokrat sosial di seluruh dunia yang

memperjuangkan kebaikan manusia dan demokrasi sosial (<http://www.dapmalaysia.org/malaynet/parti.html>).

Perjuangan DAP yang bertunjangan prinsip kesamarataan tanpa adanya hak-hak dan kemudahan istimewa kalangan orang Melayu amat tidak disenangi oleh orang Melayu. Ini ternyata bercanggah dengan perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan keistimewaan tersebut. Perjuangan DAP sedemikian menjadikan ia 'musuh ketat' parti orang Melayu (UMNO) sejak awal-awal lagi. Walaupun isu meritokrasi dicanangkan dan kerajaan serba sedikit mula menerimanya, itu bukan bermakna keistimewaan ini perlu dihapuskan kerana menurut Raja Petra Kamarudin (2006), meritokrasi bukan alasan untuk menghapuskan hak-hak istimewa orang Melayu.

DAP merupakan parti yang berasal daripada PAP (Parti Tindakan Rakyat) iaitu sebuah parti yang memerintah Singapura dalam Persekutuan Malaysia. Setelah Singapura menarik diri daripada Malaysia, cawangan PAP di Malaysia dibubarkan, lalu tertubuhlah DAP untuk meneruskan perjuangan politik aliran PAP di Malaysia (Low Yong San 1997). Kedua-dua parti ini mempunyai persamaan ideologi. Parti ini tidak pernah berkompromi dengan kerajaan berhubung isu berkaitan dengan pendidikan dan bahasa Cina. Kemuncaknya berlaku rusuhan kaum selepas tamat pilihanraya 1969 (Haris Md Jadi 1990). Seperti juga parti Gerakan, DAP asalnya bukanlah sebuah parti perkauman (*non-racial approach*), tetapi oleh kerana kebanyakan ahli adalah terdiri daripada kaum Cina, akhirnya DAP tidak dapat lari daripada menjadi parti perkauman Cina, walaupun ia mungkin dinafikan oleh pimpinan mereka dengan mendakwa terdapat juga orang India dan kaum lain menjadi ahlinya. Namun, realiti tidak sedemikian, DAP disokong oleh kebanyakan orang-orang Cina yang *anti-establishment* (Ali Cordoba 2006).

Persoalannya, adakah DAP benar-benar berpegang kepada prinsip perjuangannya seperti mana yang dinukilkan dengan begitu indah sekali. Realitinya, DAP adalah pertubuhan perkauman Cina yang begitu lantang memperjuangkan hal ehwal orang Cina. Idealisme asalnya untuk memperjuangkan nasib semua kaum sudah tersasar jauh. Jelas, jika dianalisis isu-isu yang dimainkan oleh ketiga-tiga parti Cina, tidak banyak bezanya. Perjuangan mereka tetap sama, hanya satu. Malaysia adalah hak semua kaum. Perlu ada kesamarataan dan kesaksamaan. Tidak perlu ada keistimewaan kepada bangsa lain termasuk bangsa Melayu.

IMPLIKASI SOSIALISASI POLITIK PERKAUMAN TERHADAP INTEGRASI

Semua faktor agen sosialisasi politik yang telah dibincangkan di atas, bermula dengan media, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan parti politik, meninggalkan pengaruh yang cukup kuat dalam kehidupan harian masyarakat Cina sehingga melahirkan persepsi yang tidak sihat terhadap orang Melayu. Asas-asas perkauman yang mendominasi agen-

agen tersebut telah menjadikan masyarakat Cina berpegang teguh kepada semangat dan perjuangan kecinaannya. Orang Cina tetap 'satu' dalam semangat dan perjuangan walaupun berbeza dari segi latar belakang, kumpulan dan parti politik yang diwakili.

Bagi semua alasan ini, komuniti Cina berusaha keras untuk mendapatkan apa yang mereka lihat sebagai keadilan, kesamaan dan meritokrasi; mereka menggesa supaya ditamatkan diskriminasi dan keutamaan bagi orang Melayu, dan meminta Kerajaan membuka semua sektor ekonomi, termasuk pengendalian perkhidmatan awam, angkatan tentera, polis, dan lain-lain untuk mencerminkan komposisi berbilang ras penduduk negara (Faaland et al. 2005)

Kesepakatan orang Cina dapat dilihat dalam dekad 1980-an, Malaysia pernah dilanda masalah ketegangan kaum berhubung kontroversi isu penempatan bilangan guru bahasa tanpa kelayakan bahasa Cina yang berlebihan di SJKC. Semua *Huatuan* (terutamanya Dong Jiao Zong), MCA, Gerakan dan DAP sehati sejiwa menentang keputusan kerajaan. Sungguh Kementerian Pendidikan berkali-kali mengatakan bahawa ia tidak berniat untuk mengubah corak SJKC kepada sekolah kebangsaan. Namun, orang Cina mempunyai persepsi berlainan. Bagi mereka, kerajaan mempunyai niat tersembunyi untuk mengalihbahasakan SJKC. MCA, Gerakan, DAP dan semua *Huatuan* bersepakat melancarkan kempen mengekalkan identiti dan status quo SJKC (Sia Keng Yeik 2005).

Dalam mengulas hal ini, Chan Tse Yuen, bekas Timbalan Pemuda MCA, banyak hal dalam negara ini tercetus melalui masalah dalam UMNO, bukan berdasarkan isu atau masalah yang sebenarnya berlaku di kalangan rakyat. Haris Md. Jadi (1990) yang memetik laporan majalah *Economist*, bertarikh 17 Mei 1969, menyifatkan politik perkauman sebagai 'hantu perkauman yang sering merasuk politik Persekutuan Malaysia sudah menjadi satu kenyataan yang ganas'. Perasaan marah, kecewa dan tidak puas hati telah lama terpendam sejak negara mencapai kemerdekaan. Pihak pemerintah pula gagal menangani kelemahan-kelemahan ini sehingga menjadi duri dalam daging. Kerajaan lebih memberatkan pengkalan status quo yang wujud di kalangan kumpulan etnik dan tidak menunjukkan usaha-usaha ke arah menyelesaikan masalah-masalah kepelbagaian yang menjadi halangan utama perpaduan nasional.

Menurut Chandra Muzaffar, kontroversi kaum di Malaysia boleh dibahagikan kepada beberapa fasa. Pada tahun-tahun 1950an, isu kewarganegaraan dan kontrak sosial mendominasi hubungan kaum, diikuti dengan isu bahasa pada tahun 1960-an sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), kuota atau urbanisasi mencorakkan hubungan etnik pada tahun 1970-an dan 1980-an. Pada tahun 1990-an dan millennium baru ini, isu-isu agama begitu kuat mempengaruhi hubungan kaum di negara ini. Jika dibandingkan isu-isu dalam hubungan kaum di Malaysia sejak lima dasawarsa lalu, isu agama yang muncul sejak akhir-akhir ini begitu kritikal impaknya (Baharom Mahusin 2006). Pandangan Chandra Muzaffar mungkin boleh diterima dari satu sudut. Tetapi dari satu sudut lain, isu agama bukanlah segala-galanya, mungkin sebahagian.

Pada pengkaji, sebenarnya agen-agen sosialisasi politik yang telah dibincangkan di atas, adalah agen yang tidak sihat dalam politik Malaysia. Apatah lagi dengan pengaruh globalisasi dan sikap ahli-ahli politik serta pemerintah yang menutup mata melihat isu-isu yang telah jelas terbentang. Pengaruh globalisasi memberikan kesan kepada perpaduan rakyat. Apabila globalisasi semakin pesat, ada usaha dilakukan oleh pihak tertentu untuk mengukuhkan, melindungi dan menyerlahkan identiti etnik dan agama sebagai respons kepada cabaran globalisasi. Beliau berpendapat bahawa hubungan kaum akan mengalami kemerosotan apabila keadilan yang menjadi asas kepada keharmonian masyarakat mula dipersoalkan secara terbuka.

Bila keadilan dilihat tidak berlaku, akan ada kemerosotan dalam hubungan kaum. Malangnya, setiap kaum melihat keadilan itu dari sudut perspektif kaum masing-masing. Orang Melayu melihat keadilan dari kaca mata Melayu, orang Cina mentafsirkan keadilan dari sudut pandangan mereka, begitu juga dengan kaum India dan kumpulan etnik lain. Mereka tidak melihat keadilan dari aspek yang lebih luas dan dengan pendekatan nasional. Misalnya, parti DAP yang didominasi oleh pemimpin Cina, hangat membincangkan isu tokong Cina di Pulau Pinang yang dirobohkan atas sebab-sebab tertentu, bagaimanapun sebagai sebuah parti politik, DAP tidak pernah membangkitkan tentang isu masjid yang juga diruntuhkan untuk memberi laluan kepada pembangunan (Mingguan Malaysia, 26 Nov 2006). Perkara yang sama turut berlaku jika ada kuil Hindu yang dirobohkan.

Menurut Thock Ker Pong (2005), hubungan kaum terjejas disebabkan oleh sikap ahli-ahli politik. Tanpa mereka, hubungan kaum tidak ada masalah. Turut bersetuju dengan pendapat beliau ialah Azman Amin Hasan, Ketua Pengarah, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional. Ahli-ahli politik peringkat pertengahan sering mempolitikkan sesuatu isu untuk mendapatkan perhatian. Namun, Sivamurugan Pandian, pensyarah hubungan etnik dan politik, Universiti Sains Malaysia, tidak bersetuju dengan kedua-dua pendapat ini. Keharmonian kaum tidak hanya terletak semata-mata pada tangan ahli politik. Hubungan kaum di kalangan generasi yang lahir sebelum 1969 adalah lebih baik daripada generasi muda yang lahir selepas 13 Mei 1969. Generasi selepas 1969 tidak memahami bahawa semangat kontrak sosial ada dalam perlembagaan dan wujud batasan dalam tuntutan mereka (Mingguan Malaysia, 26 Nov 2006).

Justeru, apa juga program yang dilaksanakan oleh kerajaan, terutama yang ada kaitan dengan orang Melayu dan agama Islam tidak mendapat gambaran positif daripada orang Cina kerana ia berkait rapat dengan persepsi yang telah wujud sekian lama. Ini kerana gambaran mereka terhadap Islam dari awal telah disalahfahamkan. Begitu juga dengan dasar-dasar kerajaan.

Dalam usaha mendapat sokongan, ahli politik mesti menampakkan diri mereka sebagai jaguh kaum. Khoo Kay Kim amat yakin, masalah kaum akan menjadi semakin serius jika ahli politik terus menjadi jaguh kaum.

Since we have mostly ethnic parties, they are fighting for their ethnic groups. It is very difficult to achieve any kind of consensus. For ethnic champions to survive, society must always be in a state of flux. If you don't do anything positive, things will get worse and worse. You have to address the problem (New Sunday Times, 19 Februari 2006).

Menurut Khoo Kay Kim lagi, selepas 49 tahun merdeka, hubungan kaum di Malaysia sangat rapuh. Buktinya, sekolah-sekolah dan parti-parti politik yang berasaskan kaum masih tebal dengan semangat perkaumannya. Masing-masing parti memperjuangkan kaumnya sendiri (New Sunday Times, 19 Februari 2006). Dalam memberikan respon kepada pendapat Khoo Kay Kim, Maximus Ongkili, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, amat tidak bersetuju dengan pendapat ini. Bagi beliau perpaduan atau keharmonian kaum di Malaysia berada di tahap amat memuaskan (<http://www.malaysia-today.net/Blog-e/2006/02/unity-reality-or-illusion.htm>). Kewujudan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sudah cukup untuk memastikan perpaduan kaum.

Saranan Khoo Kay Kim agar subjek sejarah perpaduan diajar di sekolah bukanlah isu yang baru kerana jabatan yang sedia ada sudah berfungsi dengan baik. Pendapat yang serupa akan kita dengar jika soalan yang sama ditanya kepada ahli politik BN. Bagi mereka, Malaysia adalah negara contoh berbilang kaum di dunia ini yang dapat hidup aman damai, tanpa sebarang konflik kaum. Apakah kenyataan ini boleh diterima tanpa membuat penyelidikan hingga ke akar umbi?

Ini kerana, hujah menteri yang bertanggungjawab ke atas perpaduan kaum ini disangkal oleh JPNIN sendiri dengan mengatakan bahawa hubungan kaum semakin rumit dan menelan belanja yang tinggi. JPNIN mengakui, hubungan kaum yang bermasalah bermakna kos yang lebih tinggi terpaksa ditanggung oleh kerajaan untuk menyelesaikan konflik yang tercetus. Dalam keadaan normal, setiap tahun kerajaan memperuntukkan RM151 juta kepada JPNIN untuk menganjurkan program-program bagi merapatkan hubungan 26 juta rakyat negara ini yang berbilang etnik, budaya dan agama (Baharom Mahusin 2006). Jika hubungan etnik terus mengalami kemerosotan, bayangkan berapa banyak peruntukan yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan untuk membetulkan semula hubungan kaum yang bermasalah ini.

Teh Yik Khoon turut memberikan respon terhadap pendapat Khoo Kay Kim. Selagi wujud diskriminasi positif, seperti pelajar yang baik tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti tempatan, hubungan etnik tidak akan ke mana-mana. dengan mengatakan bahawa orang politik mesti menunjukkan contoh teladan yang baik dalam isu perpaduan kaum dan bukannya menjadi jaguh kampung dalam memperjuangkan kaum masing-masing.

Respon yang sama turut diberikan oleh Pengerusi, *Centre for Public Policy Studies*, ASLI, Ramon Navaratnam, polarisasi semakin meningkat. Sistem pendidikan vernacular sedia ada menyumbang ke arah itu.

Polarisation has increased and the school system has contributed to this. Tamil and Chinese languages should be taught as compulsory subjects to Tamil and Chinese students in national schools. Then there will be a significant shift of these students to national schools instead of most Chinese sending their children to Chinese schools and half of the Indian pupils going to Tamil schools. I can't understand why the Government has been so slow in doing this. Also, the spirit of the New Economic Policy has not been fully realised and implemented. Meritocracy has also largely been abandoned. So how do we get national unity? We should practise what we preach. Teaching cultural history is not good enough. If we just learn and come out into the world and realise there's discrimination, it can be an antithesis. (<http://www.malaysia-today.net/Blog-e/2006/02/unity-reality-or-illusion.htm>)

Tengku Shamsul Bahrin, Presiden, *Malaysian Association of Private Colleges and Universities*, memberikan pendapat yang sedikit berbeza daripada Khoo Kay Kim.

"Regarding the participation of political parties in national unity committees, I think nothing can be achieved if everybody fights for their group. The consensus achieved would be a diluted decision. If politicians keep on championing their small groups, then we go back to the "majority rules", which can take you backwards. Decision-makers should be appointed based on their knowledge, experience and capability, not on sectoral considerations. We don't need to have all the races represented as long as they are capable. For example, when we go for an operation, we don't need to have one Malay, one Chinese and one Indian consultant for the operation. Where the school system is concerned, people just choose to look at the negative aspects. The system is the same as the pre-independence one, not worse or better. It's just that the issue is talked about more now so it's just felt more generally. People will segregate naturally right from the start. We must just respect, accept and understand the differences. Teaching cultural history to children could be a good start. People should be exposed to what others are doing. To me, if you're born a Chinese, you are a Chinese. What's wrong with that? Why should you change that? What has to be done is to accept and respect the person as such and not interfere or impose your own values upon that person. It's all a matter of understanding why and how people do things". (<http://www.malaysia-today.net/Blog-e/2006/02/unity-reality-or-illusion.htm>)

Berkaitan dengan hal ini juga, buku *Hubungan Etnik*, tulisan Jayum Anak Jawan dan Zaid Ahmad (2006), dibangkitkan oleh pembangkang (DAP) di parlimen. Lim Kit Siang mendakwa buku tersebut tidak membawa kebaikan kepada hubungan dan perpaduan kaum. Banyak fakta mengenai kejadian 13 Mei 1969 menurut beliau,

telah 'diselewengkan' terutama tuduhan terhadap DAP (orang Cina) yang memulakan peristiwa tersebut. Isu ini mendapat respon daripada beberapa orang ahli politik yang tidak menggunakan rasional akademik turut menyokong pendapat beliau. Bagi golongan ini, jika ada fakta sejarah yang boleh meninggalkan kesan yang tidak baik ke atas keharmonian kaum maka ia tidak sepatutnya ditonjolkan. Sedangkan fakta tetap fakta, sejarah tetap sejarah, ia akan terus tercatat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Nazri Aziz berpandangan fakta sejarah tersebut berbau perkauman dan tidak mencerminkan matlamat untuk mencapai perpaduan kaum. Beliau berhujah bahawa kita tidak patut menonjolkan sejarah negatif yang telah berlaku, apa yang perlu ditekankan hari ini ialah menonjolkan nilai positif kalangan pelbagai etnik (New Straits Times, 18 Julai 2006). Dalam memberikan respon terhadap perkara tersebut, Menteri Pengajian Tinggi, Mustapa Mohamed mengatakan bahawa kerajaan akan mengambil langkah-langkah tertentu terutama meneliti kembali dakwaan tersebut jika benar. Namun demikian, kontroversi ini berakhir apabila Perdana Menteri memberikan arahan agar buku tersebut ditarik balik dan kandungannya akan diubah suai melalui panel yang telah dilantik. Fakta sejarah, menurut beliau memang tidak boleh diubah. Justeru, adalah tidak wajar untuk kita menuduh kaum tertentu melakukannya. Sama juga label pengganas terhadap segelintir penganut agama Islam. Adakah tidak wajar untuk menuduh semua orang Islam pengganas? (New Straits Times, 20 Julai 2006).

Pengkaji bersetuju dengan pendapat bahawa kita tidak wajar menuding jari kepada golongan tertentu yang menyebabkan berlaku rusuhan kaum tersebut. Fakta dan sejarah tidak akan berubah. Ia tetap akan terpahat dan menjadi rujukan dari masa ke semasa. Sama ada ia boleh diterima pakai, bergantung kepada penyelidikan dan penemuan-penemuan baru yang akan dicari. Maka berikanlah kebebasan kepada penyelidik atau ahli akademik berdasarkan latar belakang profesionalisme mereka untuk membuktikan kajian yang dilakukan. Kita tidak mahu terjadi seperti kata pepatah kokok berderai-derai, ekor bau tahi. Campurtangan politik secara keterlaluan dalam dunia akademik hanya akan mengundang kontroversi dan dibimbangi akan menyebabkan kualitinya menurun.

Ironisnya, kita hanya melihat 'bahaya' apabila sesuatu perkara apabila perkara tersebut dibangkitkan atau menjadi isu hangat. Sedangkan dasar-dasar yang telah lama berjalan seperti yang telah dibincangkan, dipandang sepi dan seolah-olah dibiarkan ia berleluasa. Dasar-dasar perkauman ini lebih merbahaya daripada kontroversi kajian akademik. Kontroversi dalam akademik berlaku berdasarkan kepada kajian demi kajian yang dibuat. Tetapi dasar-dasar perkauman, ibarat gunung berapi, menunggu masa untuk meledakkan laharnya. Apabila Chua Soi Lek, Menteri Kesihatan ditanya oleh wartawan *The Guardian*, terbitan MCA mengenai hubungan kaum 10 tahun akan datang, beliau menjawab:

"I don't see any change in the political scenario of the country in ten years time. Politics in the country would continue to be very racial, and racial-

based parties will continue to thrive Malaysia” (The Guardian, Vol 1, 2005).

Namun begitu, beliau yakin dengan adanya persefahaman yang wujud dan kewibawaan kepemimpinan Perdana Menteri yang mengambil kira sensitiviti kaum, tahap perpaduan mungkin boleh dipertingkatkan lagi. Laman Pemuda Parti Gerakan menukilkan seperti berikut:

Walaupun negara kita telah mencapai kemerdekaan selama 43 tahun, namun sentimen perkauman di dalam sanubari kebanyakan rakyat Malaysia adalah masih tebal. Hasrat Kerajaan untuk mewujudkan Bangsa Malaysia seiring dengan objektif yang tertera dalam Wawasan 2020 tidak akan dapat direalisasikan sepenuhnya sekiranya setiap rakyat Malaysia masih berpegang teguh dengan sentimen dan identiti bangsa sendiri iaitu bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain (<http://www.anakmalaysia.net.my/main/Introduction00.asp>. 31 Disember 2006).

Kata-kata orang politik ini ibarat meludah ke langit, jatuh ke muka sendiri. Dalam mengulas isu-isu mengenai sekolah berasaskan kaum ini, seringkali kita dengar pihak pembangkang turut mengapi-api isu ini terutama menjelang pilihan raya. Kononnya sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil akan terus dipertahankan dan diperkasakan jika mereka diberikan peluang untuk memerintah. Dengan sebab itu, bila kerajaan bertindak merobohkan sekolah ini, maka parti-parti pembangkang orang Melayu akan berkumpul mempertahankannya bersama-sama parti-parti dan NGO-NGO Cina yang lain. Isu-isu sebegini adalah amat tidak sihat dalam usaha untuk membentuk perpaduan dan keharmonian kaum. Ini bukan bermakna pengkaji tidak menghormati kaum-kaum lain bagi mendapatkan hak pendidikan bahasa ibunda mereka. Tetapi satu sistem pendidikan yang dinamik mesti dicari untuk melahirkan sebuah sekolah yang dapat mengumpul semua kaum yang ada seperti idea mewujudkan sekolah wawasan. Namun, walaupun idea mewujudkan sekolah ini telah lama dicanangkan, tetapi realiti kewujudan begitu sukar untuk dilihat. UMNO terpaksa tunduk kepada tekanan-tekanan NGO-NGO Cina ultra *kiasu* yang mendesak agar sekolah vernakular mereka dikekalkan dan ditambah dari masa ke semasa. Pendek kata, orang Cina tidak mahu kalah sedikitpun dengan apa juga perkara yang menyebelahi kepada orang Melayu dilihat sebagai gugatan atau penghakisan kepada hak orang Cina.

KESIMPULAN

Integrasi antara kaum agak sukar untuk tercapai, selagi wujudnya organisasi media dan organisasi bercorak perkauman. Apatah lagi jika setiap institusi tersebut meletakkan kepentingan etnik di hadapan berbanding kepentingan-kepentingan nasional. Proses sosialisasi dan budaya politik sebegini sama ada berlaku asuhan atau semulajadi (nurture dan nature) akan menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan dalam masyarakat (Kamvara 1996; Douglas 1967). Ketidakseimbangan dalam konteks integrasi menjadi

lebih parah apabila sesuatu dasar atau isu itu dibincangkan secara terbuka. Misalnya, orang bukan Melayu melihat keadilan politik sebagai kesaksamaan dan kesamarataan bagi semua warganegara tanpa mengira bumiputera atau bukan (Faaland et al 2005). Manakala, orang Melayu tidak melihat sedemikian kerana hak-hak istimewa orang Melayu sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sudah memperjelaskan bahawa kesaksamaan dan kesamarataan tidak wujud dalam konteks yang sebenar. Mohamad Khir Toyo (2008) menegaskan, Islam sebenarnya menolak kesamarataan tetapi menegakkan keadilan, yang mana meletakkan agama Islam di tempat yang tinggi dengan membenarkan agama lain dianuti oleh umat lain. Keadilan di sini ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya atau memberi sesuatu kepada yang berhak. Misalnya keadilan dalam konteks Malaysia ialah mengekalkan hak-hak orang Melayu, agama Islam, Sultan Melayu dan Bahasa Melayu seperti yang dipersetujui semasa kemerdekaan. Dalam masa yang sama, Melayu *moderate* akan memastikan hak-hak orang bukan Melayu yang dijanjikan akan terus kekal. Ini termasuk memperakui kewarganegaraan mereka, hak mereka untuk mengundi, berniaga, mendapat pendidikan dalam bahasa ibunda masing-masing, dan mengamalkan kepercayaan dan adat resam masing-masing (Mohamad Khir 2008). UMNO, menurut Mohamad Khir (2008) mesti kekal di landasan *moderate* yang berjuang menegakkan keadilan, menolak kesamarataan kerana jika UMNO berubah kepada lebih liberal, dibimbangi kaum lain tidak akan berbuat perkara yang sama dan akhirnya UMNO akan dilihat lebih banyak memberi apa yang orang Melayu miliki kepada bangsa lain. Bangsa lain juga perlu mengorbankan kepentingan kaumnya bukan sahaja UMNO. Jika perpaduan nasional dan juga kesamarataan menjadi pilihan, bangsa lain perlu sanggup mengorbankan sistem pendidikan mereka seperti yang berlaku di negara Singapura. Jika tidak tiada sebab mengapa UMNO harus bergerak daripada *moderate* kepada perjuangan yang lebih liberal. Berdasarkan kepada latar belakang inilah, isu-isu integrasi antara kaum amat kompleks untuk diterjemahkan dalam bentuk realiti. Buat masa ini kita hanya boleh berharap sahaja agar integrasi menjadi kenyataan. Realitinya, masih banyak lagi perkara yang perlu dilakukan dan cabaran mendatang amat hebat dan kompleks. Tuntutan pada hari ini adalah kesediaan untuk memberi dan menerima berasaskan kepada kontrak sosial yang telah dipersetujui bersama. Mungkin kita dapat lihat integrasi seolah-olah wujud kalangan pemimpin-pemimpin politik, tetapi hakikat sebenarnya yang berlaku kalangan rakyat masih lagi jauh untuk menjadi realiti. Selagi wujud institusi bersifat perkauman ini, selagi itulah matlamat untuk mewujudkan integrasi yang jitu agar sukar untuk dijadikan realiti.

RUJUKAN

- Ali Cordoba. 2006. *Malaysia's nascent democracy put the racial test*. <http://malaysia-today.net/blog2006/guests.php?itemid=1466> [20 Disember 2006].
- Baharom Mahusin. 2006. *Isyarat politik Abdullah*. http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp?y=2006&dt=1119&pub=utusan_malaysia&sec=rencana&pg=re_01.htm&arc=hive [20 Disember 2006].

Berita Harian. 2006. 17 November.

Comber, L. 2007. *Peristiwa 13 Mei: Sejarah Perhubungan Melayu – Cina*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.

Dennis, J. 1973. *Socialization to Politics: A Reader*. Canada: John Wiley & Sons, Inc.

Douglas S.A, 1967. *Political Socialization and Student Activism in Indonesia*. Illinois: University of Illinois.

Faaland, J., Parkinson, J. & Saniman, R. 2005. *Growth and Ethnic Inequality: Malaysian's new Economic Policy*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Freeman, A. L. 2000. *Political Participation and Ethnic Minorities*. Routledge: New York.

Funston, N. J. 2001. *Government and Politics in Southeast Asia*. London: Zed Books Ltd.

Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia. 2005. *Buku Panduan Persatuan-Persatuan Cina Malaysia*. Kuala Lumpur: Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia & Sin Chew Media Corp. Bhd.

Haas, R. H. 1967. *The Malayan Chinese Association, 1958-1959: An Analysis of Differing Conceptions of the Malayan Chinese Role in Independent Malaya*. Tesis Sarjana, Department of Political Science. Northern Illinois University.

Haris Md. Jadi. 1990. *Etnik, Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp?y=2006&dt=1124&pub=utusanmalaysia&sec=muka%5Fhadapan&pg=mh_08.htm&arc=hive [20 Disember 2006].

<http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2007/1/1/nation/16441952&sec=nation> [1 Januari 2007].

<http://www.malaysia-today.net/Blog-e/2006/02/unity-reality-or-illusion.htm>

<http://www.anakmalaysia.net.my/main/Introduction00.asp> [31 Disember 2006].

Jayum A. Jawan & Zaid Ahmad. 2006. *Hubungan Etnik: Panduan Pengajaran dan Pembelajaran*. Serdang: UPM.

Jayum A. Jawan. 2003. *Malaysian Politics & Government*. Selangor: Karisma Publications Sdn Bhd.

Kamrava, Mehran. 1996. *Understanding Comparative Politics, A Framework for Analysis*. London: Routledge, London.

- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2006. Perangkaan Sepintas Lalu Pengajian Tinggi Malaysia 2005. Putrajaya: Bahagian Perancangan & Penyelidikan, Kementerian Pengajian Tinggi.
- Kim Quek. 2004. "Menyingkap Kebenaran Di Sebalik Hak Keistimewaan Melayu". http://www.malaysia-today.net/blog/2004_12_30_MT_BM_archive.htm [30 Disember 2004].
- Lee Kam Hing & Tan Chee-Beng (pnyt.). 2000. *The Chinese in Malaysia*. Selangor: Oxford University Press.
- Lim Guan Eng. 2005. How Can MCA Still Not Have Any Position On The 2-4-3 Formula When The Government Has Implemented The Teaching Of Science And Maths In English For 3 Years?. http://www.dapmalaysia.org/english/2005/Oct05/lge/lge_207.htm [14 Oktober 2005].
- Ling Liong Sik. 1995. *The Malaysian Chinese Towards Vision 2020*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Low Yong San. 1997. *Pola Pengundian Cina Pada Pilihanraya Umum 1990 dan 1995*. Latihan Ilmiah. Fakulti Ekologi Manusia. Universiti Putra Malaysia.
- Low Yong San. 2000. *Pola Politik Cina di Semenanjung Malaysia Dalam Tahun 1990-an*. Tesis Sarjana. Fakulti Ekologi Manusia. Universiti Putra Malaysia.
- Lu Hon San. 1987. Chinese Politics in Malaysia: The MCA Crisis of 1984/85. Tesis Sarjana. Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Awam. Universiti Malaya.
- Malaysia Today. 2005. <http://www.malaysia-today.net/blog/2005/09/mengapa-mereka-memilih-sekolah-cina.htm> [12 September 2005].
- Mingguan Malaysia*. 2005. 13 November.
- Mingguan Malaysia*. 2006. 26 November.
- Mohamad Khir Toyo. 2008. Melayu di Persimpangan. <http://www.drkhir.com/> [8 Jun 2008].
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2006. Menolak Tugu Peringatan MPAJA di Nilai. *Utusan Malaysia*, Dis 26.
- Neena Sharma. 1985. *Political Socialization and Its Impact on Attitudinal Change Towards Social and Political System: A Case Study of Harijan Women of Delhi*. New Delhi: M.C. Mittal.
- Nimmo, Dan D & Sanders, Keith R. 1981. *Handbook of Political Communication*. London: Sage Publications.

New Straits Times. 2006. 18 Julai.

New Straits Times. 2006. 20 Julai.

New Sunday Times. 2006. 19 Februari.

Ongliki, J. P. 1985. *Nation-building in Malaysia 1946-1974*. Singapore: Oxford University Press.

Oong Hak Ching. 2000. *Chinese Politics in Malaya 1942-55, The Dynamics of British Policy*. Bangi: Penerbit UKM.

Purcell, V. 1997. *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*. Skudai: UTM.

Ruslan Zainuddin. 2005. *Sejarah Malaysia*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.

Samsudin A Rahim. 2007. Sosialisasi Politik. *Utusan Malaysia*, 21 April.

Samsul Amri Baharuddin. 2007. *Modul Hubungan Etnik*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Schwartz , David C. and Schwartz, Sandra Kenyon. 1975. *New Direction in Political Socialization*. New York: The Free Press.

Sia Keng Yek. 2005. *SRJK (Cina) dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan: Dilema dan Kontroversi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Tan Chee-Beng. 2002. *Chinese Minority in a Malay State: The Case of Terengganu*. Singapore: Eastern Universities Press.

Tan Chee-Beng. 2002. *Chinese Minority in a Malay State: The Case of Terengganu*. Singapore: Eastern Universities Press.

The Guardian. Vol. 1. 2005.

The Guardian. Vol. 2. June 2006.

The Sun. 2006. 16 November.

The Sun. 2007. 27 Ogos.

Thock Ker Pong. 2005. *Ketuanan Politik Melayu: Pandangan Kaum Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ting Chew Peh. 1987. *Hubungan Ras dan Etnik*. Kuala Lumpur: Pustaka Dimensi.

Utusan Malaysia. 2005. 27 April.

Utusan Malaysia. 2006. 17 November.

Vasil, R.K. 1980. *Ethnic Politics in Malaysia*. New Delhi: Radiant Publishers.

- Ye Ling-Sheng. 2003. *The Chinese Dilemma*. Australia: East West Publishing.
- Yew Yeok Kim. 1982. Education, National Identity and National Integration: A Survey of Secondary School Students of Chinese Origin in Urban Peninsular Malaysia. Ph.D Thesis. Stanford University.
- Zainal Mohd Jais. 1996. Akhbar dan Isu Perkauman 1987: Tumpuan Kepada The Star, Watan dan Sin Chew Jit Poh. Tesis Sarjana. Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.
- Zainal Bin Rahmat. 1990. The Political Significance of the Alliance-PAP Conflict to the Development of Malaysian Politics 1963 to 1969. Tesis Sarjana. Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Awam. Universiti Malaya.